

PANDUAN PELAJAR

PEPERIKSAAN AKHIR KHAS (PAK)

Pelajar yang layak dipertimbangkan untuk menduduki PAK adalah pelajar seperti berikut :

- Disahkan sakit oleh pegawai perubatan kerajaan atau swasta.
- Menghadapi kes-kes kecemasan seperti kematian keluarga terdekat, kemalangan, bencana alam atau kebakaran dengan pengesahan pihak berkuasa.
- Berurusan mana-mana perkara undang-undang dengan pengesahan dari pihak berkuasa.
- Menyertai aktiviti yang diluluskan Pengarah dengan mengemukakan surat pengesahan daripada pihak penganjur.

Cara memohon Peperiksaan Akhir Khas (PAK)

- Hantar Surat Permohonan** Menduduki PAK kepada Pengarah Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail berserta Sijil Cuti Sakit daripada pegawai perubatan / Sijil Kematian / Pengesahan Pihak Berkuasa / Surat Pengesahan Pihak Penganjur dan dll.
- Sekiranya permohonan anda diluluskan, Pegawai Peperiksaan akan menetapkan Masa, Tarikh dan Tempat untuk diadakan Peperiksaan Akhir Khas (PAK). Segala maklumat akan disalurkan kepada Penasihat Akademik dan Pensyarah Kursus.
- Sekiranya pelajar tidak hadir tanpa sebab, pelajar akan diberi **GRED F** dengan **Nilai Mata 0.00** bagi kursus berkenaan. Pelajar dikira telah mengambil dan gagal dalam kursus berkenaan.